



MENJADIKAN TENAGA KERJA KALIS MASA DEPAN MENERUSI PENINGKATAN KEMAHIRAN

Pekerja dan majikan hari ini berdepan dengan cabaran untuk kekal relevan di dalam landskap yang sentiasa berubah dan penuh persaingan. Walaupun teknologi di tempat kerja banyak membantu pekerja menjadi lebih efisien dan mempercepatkan lagi urusan perniagaan berbanding sebelum ini, ia turut mewujudkan jurang dan kekurangan kemahiran yang jika tidak diatasi, akan menggugat kemaslahatan pelbagai industri di Malaysia.

Hari ini, peningkatan kemahiran adalah sangat penting bagi merapatkan jurang di antara tenaga kerja mahir sedia ada dengan keperluan tempat kerja abad ke-21. Namun apakah yang dimaksudkan dengan peningkatan kemahiran dan kenapa ianya penting?

Peningkatan kemahiran melibatkan pelaburan dalam mengemas kini dan membina ilmu serta kemahiran baru yang mungkin diperlukan oleh seseorang pekerja itu agar sentiasa relevan dengan tugas atau bidang pekerjaan mereka. Pembentukan keupayaan baru turut membolehkan pekerja membina kerjaya dengan mengejar peluang pekerjaan di luar set kemahiran dan pengalaman kerja yang sedia ada.

Peluang peningkatan kemahiran boleh datang dalam pelbagai bentuk seperti mengikuti kursus pendek, memperbaiki kelayakan profesional atau mendapatkan sijil.

Dengan menganggap peningkatan kemahiran sebagai langkah penting dalam perniagaan dan bukan sekadar pilihan atau "sesuatu yang patut dilakukan", majikan telah meletakkan diri mereka di atas landasan yang betul ke arah menarik dan mengekalkan modal insan terbaik. Hakikatnya, syarikat yang melabur dalam program peningkatan kemahiran menunjukkan komitmen terhadap pembelajaran sepanjang hayat dan usaha memajukan modal insan di semua peringkat, yang akhirnya memberikan kesan positif terhadap keberkesanan dan pengekalan pekerja.

Bagi membantu sektor Korporat Malaysia dalam perjalanannya untuk meningkatkan kemahiran, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) telah melaksanakan beberapa insentif seperti *Talent ProCertification*, untuk membantu majikan menyumbang kepada pembangunan modal insan Malaysia.

BINA KERJAYA ANDA MENERUSI TALENT PROCERTIFICATION

Talent ProCertification ialah insentif cukai potongan berganda untuk majikan ke atas perbelanjaan latihan yang ditanggung bagi membolehkan pekerja mendapatkan sijil profesional yang diiktiraf oleh industri.

Di bawah inisiatif oleh TalentCorp ini, jika majikan bukan syarikat penyumbang dana Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), mereka masih boleh menikmati insentif bagi meningkatkan kemahiran pekerjaan mereka.

Sijil Profesional Diluluskan termasuk sijil-sijil terpilih di bawah Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia (FPAM), Persatuan Akauntan Bertauliah Berkanun (ACCA), Institut Personel dan Pembangunan Berkanun (CIPD) dan banyak lagi.

TalentCorp sentiasa komited untuk membantu majikan memainkan peranan penting dalam mengembangkan modal insan di Malaysia. Untuk mendapatkan senarai penuh Sijil Profesional di bawah insentif *Talent ProCertification* oleh TalentCorp, sila layari:

www.talentcorp.com.my/UpSkilling



PENINGKATAN KEMAHIRAN SEBAGAI PERSEDIAAN MENGHADAPI MASA DEPAN PEKERJAAN

Menurut laporan *"The Future of Jobs"* oleh Forum Ekonomi Dunia, sekurang-kurangnya 54 peratus daripada keseluruhan pekerja perlu dilatih semula dan ditingkatkan kemahiran menjelang 2022.

Bagi memastikan pekerja bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan pekerjaan atau *Future of Work*, dan agar syarikat terus mendapat manfaat daripada bekalan kemahiran yang mencukupi untuk mengekalkan perniagaan mereka, adalah penting bagi majikan memainkan peranan aktif dalam pembangunan profesional pekerja mereka menerusi peningkatan kemahiran.

Beberapa syarikat besar telah pun mengambil

langkah proaktif untuk melabur dalam peningkatan kemahiran tenaga kerja mereka. Sebagai contoh, pada 2018, perunding khidmat profesional Accenture mengumumkan bahawa ia akan memperuntukkan RM800 juta (AS\$200 juta) dalam tempoh tiga tahun bagi membantu melengkapkan masyarakat di seluruh dunia dengan kemahiran kerja untuk era digital.

Sementara itu pada awal tahun ini, syarikat gergasi teknologi Google Malaysia telah melancarkan inisiatif sokongan *'Grow with Google'* yang menyasarkan untuk membantu semua rakyat Malaysia mendapat akses kepada latihan kemahiran digital percuma, secara dalam talian dan bersemuka, bagi membantu mereka memanfaatkan sepenuhnya ekonomi digital.